

(8) Apakah hasil dan pengajaran yang agaknya dapat diambil oleh umat Islam daripada hadits seperti itu? Apakah kerana pada tapak Masjid al-Khaif itu ada kubur 70 orang nabi, maka elok dan ada kelebihanlah bersembahyang padanya? Apa maksud sebenar hadits itu? Adakah itu maksudnya?? Tidak jelas.

Apa yang telah menjadi kenyataan sejarah ialah hadits itu telah dijadikan dalil oleh golongan Quburiyyun tentang keharusan bersembahyang di kubur, bahkan keelokan bersembahyang padanya atau pada masjid-masjid yang dibina berdekatan dengan kubur. Hadits itu dijadikan dalil oleh mereka tentang eloknya membina masjid di atas kubur atau mengebumikan orang-orang tertentu - khususnya orang-orang yang dianggap sebagai wali oleh mereka - di dalam masjid. Sedangkan itu jelas bercanggah dengan sekian banyak hadits sahih bahkan mutawatir yang melarang daripada membina masjid di atas kubur atau bersembahyang di atas kubur.

(9) Banyak kemusykilan timbul apabila kita berhadapan dengan hadits ini. Apakah Masjid al-Khaif itu telah wujud terlebih dahulu sebelum 70 orang nabi dikebumikan di dalamnya? Ertinya mereka sengaja dikebumikan di dalamnya setelah ia dibina atau dibangunkan, dan masjid juga merupakan perkuburan bagi nabi-nabi! Adakah itu sesuatu yang patut dicontohi atau ia khusus dengan para nabi sahaja?

Atau Masjid itu baru dibina dan dibangunkan setelah kesemua 70 orang nabi dikebumikan di situ. Berapa lama setelah 70 orang nabi dikebumikan di situ, Masjid al-Khaif didirikan?

Dan kalau Nabi kita Muhammad s.a.w. mengetahui bahawa di bawah tapak Masjid al-Khaif terdapat kubur 70 orang nabi, kenapa Baginda bersembahyang di masjid itu, kenapa Baginda tidak melarang para sahabatnya bersembahyang di dalamnya, sedangkan di dalam sekian banyak hadits Baginda terdapat larangan keras daripada bersembahyang di atas masjid yang dibina di atas kubur, apalagi di atas kubur 70 orang nabi?

Semua ini menunjukkan bahawa tidak ada kubur sesiapa pun di situ. Sama ada kubur para nabi atau kubur orang-orang lain.

(10) Terdapat banyak sekali hadits Rasulullah s.a.w. yang mela'nat orang-orang Yahudi dan Nashara yang menjadikan kubur-kubur nabi-nabi mereka sebagai masjid. Nabi

s.a.w. bahkan telah mela`nat secara umum semua orang yang menjadikan kubur sebagai masjid.

Hadits itu juga bercanggah dengan hadits-hadits sahih yang mengharamkan bersembahyang dengan menghadap ke arah kubur, memijak-mijak kubur dan berjalan-jalan di atasnya, memasang lampu atau pelita di kubur dengan kepercayaan tertentu, dan lain-lain.

(11) Ia bercanggah dengan ijma` sekalian ``uama`` tentang haramnya menjadikan kubur sebagai masjid atau membina masjid di atas kubur.

(12) Ia bercanggah juga dengan satu lagi ijma` para ``uama`` tentang tidak diketahui dengan tepat kubur-kubur nabi selain Nabi kita Muhammad s.a.w.

(13) Kalaulah hadits itu benar-benar disabdakan oleh Rasulullah s.a.w., tentulah Baginda tidak bersembahyang di Masjid al-Khaif dan tentu juga Baginda melarang para sahabatnya dan juga umatnya daripada bersembahyang di Masjid itu. Hadits-hadits yang menyatakan Rasulullah s.a.w. bersembahyang di Masjid al-Khaif dan para sahabatnya juga bersembahyang di masjid itu pula sahih dan tsabit.

(14) Tidak masuk akal begitu ramai nabi secara kebetulan telah dikebumikan di dalam Masjid al-Khaif, kecuali kalau apa yang dikatakan sebagai Masjid al-Khaif itu sebenarnya tanah perkuburan yang memang dikebumikan orang-orang mati di situ, tidak kira dia orang baik atau tidak baik.

(15) Kalau seramai itu nabi-nabi dikebumikan di Masjid al-Khaif, bererti semua mereka selepas mengerjakan haji berada lama di Mekah, sampai mati. Mustahil pada adatnya mereka semua mati di Mekah sebelum pulang kepada ahli keluarga dan umat masing-masing. Bukankah mereka mempunyai umat yang perlu dibimbing dan dipimpin? Kalau mereka tidak pulang kepada umat masing-masing, siapa pula akan menjaga umatnya, sedangkan umatnya bukan berada di Mekah?

Al-Qur'an dan hadits-hadits yang sahih menjelaskan bahawa nabi yang menetap lama di Mekah sebelum Nabi Muhammad s.a.w. hanyalah Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Isma'il a.s. sahaja.

(16) Jika diandaikan tapak Masjid al-Khaif itu berabad-abad lama sebelum ia dibina merupakan tanah perkuburan, dan ia tidak diketahui sebagai tanah perkuburan lagi, maka tidaklah dilarang daripada membangunkan masjid di atasnya. Tanah tapak Masjid Nabi s.a.w. di Madinah juga sebahagiannya merupakan bekas tanah perkuburan lama yang terbiar dan pada ketika itu tidak lagi digunakan sebagai tanah perkuburan.

(17) Tiada siapa pun dari kalangan ``uama'' yang mu'tabar menjadikan hadits contoh kedua di atas sebagai dalil mereka untuk menyatakan hukum tentang apa-apa masalah yang berkaitan dengan shalat di atas kubur.

(18) Hadits itu pada zahirnya kelihatan seperti hendak menyatakan kelebihan Masjid al-Khaif. Tetapi apa erti kelebihan sebuah masjid kalau bersembahyang di dalamnya diharamkan dan dilarang oleh Rasulullah s.a.w. sendiri. Kelebihannya baru akan nyata apabila diterima sekain ramai nabi (andaikan 70 orang) termasuk Nabi kita sendiri telah bersembahyang di dalamnya. Dan itu tentunya suatu yang boleh dicontohi dan diikuti.